



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' DR. HAJI  
MEGAT SANY BIN MEGAT AHMAD SUPIAN  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR)  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)**

### **BERSEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN  
JUALAN MURAH KELUARGA MALAYSIA SISWA  
(JMKMSiswa)**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2022 (RABU)**

**MASA : 11.30 PAGI – 1.00 PETANG**

**TEMPAT : PANGGUNG SENI  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
(UKM)**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh  
dan Salam sejahtera.

**SALUTASI** *(akan dikemaskini dari masa ke masa)*

**Yang Berhormat Tan Sri Noh Bin Haji Omar**

Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)

**Yang Berhormat Datuk Muslimin Bin Yahaya**

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi  
(KUSKOP)

**Yang Berbahagia Dato' Suriani Binti Dato' Ahmad**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi  
(KUSKOP)

**Yang Berbahagia Prof. Dato' Geospatialist (Gs.)**

**Technologist (Ts.) Dr. Mohd Ekhwan Bin Hj. Toriman**

Naib Canselor

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**Pengurusan Tertinggi KUSKOP dan KPT**

**Ketua-ketua Jabatan dan Agensi**

**Naib-naib Canselor dan Rektor Universiti Awam**

**Timbalan-timbalan Naib Canselor Universiti Awam**

**Pegawai-pegawai Kanan KUSKOP, KPT dan Universiti Awam**

**Rakan-rakan media**

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan

Seterusnya hadirin mahasiswa yang dirahmati Allah sekalian

## **MUKADIMAH**

1. Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita hadir bersama-sama di Majlis Pelancaran Jualan Murah Keluarga Malaysia Siswa atau akronimnya JMKMSiswa pada pagi ini. Di kesempatan ini, saya ucapkan ribuan terima kasih serta mengalu-alukan Yang Berhormat Tan Sri Noh Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan

Koperasi atas kesudian untuk hadir di majlis pada hari ini.

2. Saya, mewakili Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amnya dan Universiti kebangsaan Malaysia (UKM) khususnya juga ingin mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) kerana telah memilih UKM sebagai lokasi bagi Majlis Pelancaran JMKMSiswa.

3. Ianya merupakan satu pengiktirafan bagi UKM serta entiti koperasi UKM iaitu UNIKEB dalam melaksanakan inisiatif Kerajaan untuk membantu para mahasiswa menangani kos sara hidup yang semakin meningkat khususnya dengan kenaikan harga barangan keperluan harian. Saya difahamkan barangan yang dijual sepanjang JMKMSiswa ini merupakan barangan keperluan harian yang sememangnya diperlukan oleh para mahasiswa selain makanan keperluan untuk memasak.

## **PENDEKATAN SECARA KOLABORASI STRATEGIK BAGI MENGURANGKAN KOS SARA HIDUP MAHASISWA**

Para Mahasiswa yang dikasihi serta hadirin yang dihormati sekalian,

4. Atas dasar kecaknaan terhadap kos sara hidup yang meningkat yang turut membebankan para pelajar dan keprihatinan terhadap kebajikan siswa di IPT selaras dgn #KPTPrihatin, KPT telah menubuhkan **Jawatankuasa Tindakan Sara Hidup Siswa Keluarga Malaysia**. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi dan Jawatankuasa Pelaksana di peringkat institusi dipengerusikan oleh Naib Canselor/Rektor/Pengarah telah bertindak sebagai penyelaras dan pelaksana dasar, memantau kawalan harga barang dan perkhidmatan serta membentuk jaringan kolaborasi dengan pihak berkepentingan secara holistik.
5. KPT mula meneroka pendekatan baharu dalam membantu mahasiswa berkeperluan dengan menjalankan kolaborasi strategik dengan Kementerian dan jabatan Kerajaan yang lain. Pendekatan ini bermula dengan pelaksanaan kerjasama strategik antara KPT dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKOM) melalui inisiatif peranti siswa keluarga Malaysia. Manakala pada hari ini, dengan kerjasama strategik antara KPT dan KUSKOP, inisiatif Jualan Murah Keluarga Malaysia Siswa (JMKMSiswa) dapat direalisasikan. Kita berharap agar kolaborasi strategik seperti ini dapat diperluaskan lagi dengan kementerian lain bagi memberi manfaat kepada

mahasiswa berkeperluan.

## **INISIATIF BAGI MENGURANGKAN KOS SARA HIDUP MAHASISWA**

Para Mahasiswa yang dikasihi serta hadirin yang dihormati sekalian,

4. Selaras dgn #KTPrihatin, KPT menerusi universiti-universiti awam amat giat dalam menjalankan pelbagai inisiatif sebagai usaha untuk membantu para mahasiswa yang memerlukan khususnya dalam kalangan keluarga yang berpendapatan rendah. Antaranya melalui program Food Basket Siswa Keluarga Malaysia. Melalui program sebegini, para mahasiswa dapat membeli set makanan lengkap dengan harga lebih murah iaitu serendah RM3.50 untuk sarapan pagi, makan tengahari atau makan malam berbanding di restoran atau kedai di luar kampus.

6. Malahan, tambahan daripada itu, inisiatif bantuan makanan kepada golongan mahasiswa B40 seperti Food@Campus dan Food Bank Siswa juga turut dilaksanakan bagi memastikan tiada mahasiswa yang terpaksa mengikat perut sepanjang pengajian.

## **JMKM SISWA**

7. Bagi pelaksanaan JMKM Siswa, saya dimaklumkan bahawa pelaksanaannya akan melibatkan 13 Kedai Koperasi (Coopmart) di kampus Universiti Awam dan 7 Pusat Keusahawanan Universiti Awam bagi Universiti Awam yang tidak mempunyai kedai koperasi. Tempoh pelaksanaannya pula bermula pada hari ini, 19 Oktober 2022 hingga Disember 2022.

8. Selain koperasi, keterlibatan Pusat Keusahawanan Universiti Awam dalam program JMKMSiswa ini juga merupakan salah satu peluang untuk mempupuk nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar. Ianya selaras dengan hasrat Kerajaan amnya dan KPT khususnya sepertimana yang dizahirkan dalam Lonjakan Pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi): Melahirkan Graduan Holsitik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang.

## **USAHA MELAHIRKAN GRADUAN BERCIRIKAN KEUSAHAWANAN**

Para hadirin sekalian,

9. KPT berbesar hati dan mengalu-alukan kerjasama dengan pihak KUSKOP dalam melahirkan mahasiswa yang berbakat

dalam menjadi bakal pelapis usahawan pada masa akan datang. Saya berharap, program keusahawanan dan koperasi yang melibatkan pelajar seperti ini akan menyuntik minat dan semangat keusahawanan dan berkoperasi dalam kalangan mahasiswa agar mereka dapat berdikari tanpa terlalu bergantung kepada kerjaya bergaji apabila para mahasiswa ini mula menyertai realiti komuniti selepas tamat pengajian nanti.

10. Adalah menjadi satu kerugian yang besar sekiranya bakat keusahawanan yang ada tidak digilap dan dikembangkan.

## **PENUTUP**

11. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak KUSKOP selaku peneraju program, UKM selaku hos majlis pelancaran pada hari ini dan semua pihak yang terlibat atas usaha yang tidak putus bagi menjayakan program ini.

12. Izinkan saya menutup ucapan saya dengan serangkap pantun.

Mencari timba si anak dara,  
Di bawah sarang burung tempua,  
Salam sembah pembuka bicara,



Selamat datang untuk semua.

Sekian.

*Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.*

Terima kasih.

(720 patah perkataan tidak termasuk salutation)